

Sistem MyTravelPass mohon masuk, keluar negara

Putrajaya: Beberapa kategori permohonan untuk kebenaran masuk atau keluar dari Malaysia bagi warganegara dan warga asing dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember boleh dilakukan melalui *single window*, iaitu sistem *MyTravelPass* yang boleh diakses di laman sesawang rasmi Jabatan Imigresen, mulai hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzaimée Daud, berkata tempoh proses kelulusan bagi permohonan melalui *MyTravelPass* adalah lima hari bekerja.

"Jika seseorang perlu masuk atau keluar dari Malaysia pada 10 hari bulan, permohonan *MyTravelPass* perlu dikemukakan kepada imigresen sebelum lima hari bulan. Permohonan perlu disertakan dokumen sokongan yang berkaitan," katanya pada sidang media, semalam.

Sistem *MyTravelPass* dibangunkan oleh bahagian sistem

teknologi maklumat Jabatan Imigresen dan menjadi satu inisiatif memantapkan sistem penyampaian kerajaan.

Khairul Dzaimée berkata, kategori permohonan yang boleh dikemukakan melalui *MyTravelPass* adalah permohonan masuk melalui *Singapore Reciprocal Green Lane* dan *Periodical Commuting Arrangement*.

Katanya, ia termasuk permohonan keluar negara rakyat Malaysia atas sebab yang boleh dipertimbangkan dan permohonan masuk warga asing atau penduduk tetap.

"Kategori lain ialah permohonan masuk majikan bagi kategori pembantu rumah asing dan pas lawatan kerja sementara, permohonan masuk warga asing kategori pasangan kepada warganegara Malaysia atau pasangan penduduk tetap (PR) atau anak kepada warganegara Malaysia atau PR, permohonan masuk warga asing ekspatriat dan permohonan masuk warga asing di bawah

program *Malaysia My Second Home*.

"Kelulusan yang diberikan, sama ada lulus atau gagal adalah melalui e-mel. Mereka yang memberikan pengisytiharan, maklumat yang salah atau dokumen palsu boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Imigresen. Mohon mudah, tapi kelulusan belum tentu," katanya.

Sebelum ini, ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), permohonan keluar masuk ke negara ini oleh warganegara dan warga asing dibuat melalui e-mel jabatan itu bagi semua jenis permohonan.

Keadaan itu kata Khairul Dzaimée menyebabkan pihaknya menerima aduan kelewatan mendapatkan keputusan kerana terlalu banyak emel diterima iaitu mencecah 8,000 pada satu-satu masa.

Beliau berkata, senarai kategori bagi permohonan *MyTravelPass* berkemungkinan dikaji semula selepas PKPP tamat pada 31 Disember ini namun bergantung ke-



Khairul Dzaimée menunjukkan laman sesawang Jabatan Imigresen dengan menggunakan sistem MyTravelPass di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

pada keadaan ketika itu.

Ditanya mengenai penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin (PATI), beliau berkata sehingga Isnin lalu, sebanyak 26,792 orang dihantar pulang dan yang tertinggal ialah warga Indonesia (11,919), diikuti Bangladesh

(3,855), Thailand (2,036), India (2,013) dan Myanmar (1,924).

Katanya, jumlah tangkapan PATI tahun ini sehingga kelmarin ialah 31,323 orang dan jumlah yang berada di depot tahanan sekarang ialah 15,626 orang.

BERNAMA